

29 JUN 1998

KLIA-pintu masuk

LAPANGAN TERBANG SUBANG "SERAH TUGAS" KEPADA KLIA SEBAGAI PINTU MASUK UTAMA

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dengan rasminya menamatkan "tugas" sebagai pintu masuk utama negara selama 33 tahun lewat malam ini, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang pula bersiap sedia menyambung tugas penting itu mulai pukul 7 pagi esok.

Perasaan terima kasih teramat sangat kepada lapangan terbang lama itu, yang lebih dikenali sebagai lapangan terbang Subang, dicatatkan di atas kain pemidang yang tertera kata-kata ringkas " Thank You & Farewell Faithful Sultan Abdul Aziz Shah Airport, Subang" (Terima Kasih & Selamat Tinggal Lapangan Terbang Sultan Abdul Azizi Shah, Subang), yang dipasang di pintu masuk bangunan Terminal 1.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di KLIA untuk menyaksikan ketibaan barangan dan peralatan milik Penerbangan Malaysia (MAS) dan agensi-agensi lain seperti Malaysia Airports Bhd yang terlibat dalam perpindahan peringkat akhir dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Barangan milik syarikat penerbangan nasional itu termasuk dua pesawat B747-400 dan tiga pesawat Airbus, yang mendarat di KLIA selepas membuat penerbangan singkat dari lapangan terbang Subang.

KLIA diserikan dengan pelbagai aktiviti malam ini termasuk kehadiran beberapa badut dan persembahan nyanyian serta muzik untuk menghiburkan tetamu dan para pengunjung, sambil ia menyambut ketibaan konvoi dari lapangan terbang Subang yang merangkumi 400 kenderaan seperti treler dan kren yang padat membawa barangan dan peralatan sokongan.

Dr Mahathir juga melawat kedai-kedai yang terdapat di bangunan satelit KLIA dengan beberapa kumpulan penari balet turut membuat persembahan di pelbagai sudut bangunan itu.

Perdana Menteri akan bermalam di Hotel Transit Airside di bangunan satelit itu bagi membolehkannya menaiki pesawat Boeing 777 MAS untuk penerbangan ke Langkawi pada pukul 7 pagi esok, iaitu penerbangan rasmi pertama yang berlepas dari KLIA.

KLIA dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada Sabtu lepas dalam upacara penuh warna warni dan gilang gemilang.

Kira-kira 1,200 kakitangan MAS terlibat dalam perpindahan peringkat akhir hari ini yang bermula kira-kira pukul 2 petang tadi. MAS mula memindahkan barangan dan peralatannya ke KLIA pada 15 April lepas, iaitu 75 hari sebelum lapangan terbang baru itu memulakan operasinya.

Naib Presiden Kanan (Operasi KLIA Operations) MAS, Kapten Kamil Abu Bakar, yang mengetuai operasi itu, berkata perpindahan itu berjalan dengan lancar selepas penerbangan antarabangsa terakhir dikendalikan oleh lapangan terbang Subang, awal pagi ini.

Pesawat MAS bagi penerbangan antarabangsa MH20 itu menuju ke Lapangan Terbang Charles de Gaulle di Paris selepas berlepas pada pukul 12.30 pagi.

Penerbangan domestik terakhir yang dikendalikan MAS ialah MH2638 bagi destinasi ke Kota Kinabalu yang berlepas dari lapangan terbang Subang pada pukul 9.45 malam.

Kamil berkata ada peralatan untuk penyenggaraan penerbangan dikekalkan di lapangan terbang Subang untuk kegunaan syarikat penerbangan komersil yang memberikan perkhidmatan domestik termasuk Transmile Air, Air Asia dan Pelangi Air.

Sementara itu, beberapa penumpang yang menaiki penerbangan terakhir di

Lapangan Terbang Sultan Abdul Azizi Shah berkata mereka berasa bangga kerana menjadi sebahagian daripada acara bersejarah Malaysia manakala ramai lagi yang tidak melepaskan peluang bergambar di lapangan terbang itu.

Seorang setiausaha dari Perancis, Edith Barba berkata sebelum menaiki pesawat MAS ke Paris, beliau diberitahu bahawa ia adalah penerbangan antarabangsa terakhir di lapangan terbang itu.

Gerhard Olsson, 20, dari Sweden pula berkata beliau berasa bangga kerana menjadi sebahagian daripada acara bersejarah itu.

"Saya sangat gembira..saya rasa bertuah," katanya sebelum berlepas ke Amsterdam dengan pesawat Royal Dutch Airline.

-- BERNAMA

RA RAZ RV NAK